

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 JUN 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Label MS patuhi standard, kualiti boleh dipercayai	Berita Harian
2.	Penjenayah siber sukar dikesan	Berita Harian
3.	'Cyber criminals trancend space, time'	New Straits Times
4.	Gempa bumi lemah landa Ranau	BERNAMA
5.	Gempa kedua landa Ranau hari ini	BERNAMA
6.	Ribut petir di perairan Selangor dan Perak dijangka berterusan sehingga lewat pagi Sabtu	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 36
TARIKH : 27 JUN 2015 (SABTU)

Label MS patuhi standard, kualiti boleh dipercayai

Jabatan Standard Malaysia pastikan produk ada ciri keselamatan, bermutu



**FADILAH
BAHARIN**

“ London Bridge is Falling Down” bukan sekadar irama yang kita dengar sejak zaman kanak-kanak. Ia adalah kisah satu jambatan legenda yang telah beberapa kali musnah dan dibina semula selama beberapa abad. Setiap kali binaan asalnya musnah, ia akan dibina semula menggunakan pelbagai bahan lain seperti tanah dan kayu; batu kerikil; batu dan simen; besi dan keluli supaya reka bentuknya lebih kukuh dan selamat.

Asasnya adalah untuk membina sesuatu yang unik dan menjadi mercu tanda yang akan menghubungkan manusia serta perniagaan mereka. Jika saya katakan ‘KLCC is Falling Down’, ia mungkin sesuatu yang sukar untuk kita percaya. Ini kerana bangunan KLCC dibina berdasarkan keperluan dan teknologi yang menggunakan bahan pembinaan hybrid, menjadikan reka bentuknya canggih, kukuh serta tahan gegaran dalam apa juga situasi bencana alam. KLCC melambangkan kualiti yang tiada tolak bandingnya.

Tak fikir ciri keselamatan

Saya tidak pasti sama ada pembinaan rumah, pusat beli-belah dan sebagainya di bandar dan luar bandar di Malaysia adalah selamat, kukuh dan berkualiti. Biasanya kita sanggup meluangkan masa berjam-jam, berminggu malah berbulan untuk memilih atau membina kediaman impian kita, malangnya kita kurang meluangkan masa untuk memikirkan ciri keselamatan terutama bagi struktur bangunan dan pembinaan. Ini kerana rumah kita jarang ditimpah bencana alam.

Tetapi hakikatnya apabila ia berlaku, ia akan merugikan banyak nyawa. Kerugian besar yang dialami ketika banjir dan gempa bumi menyebabkan banyak bangunan runtuh dan ramai kehilangan tempat tinggal.

Malah, apabila kejadian itu berlaku, adakah kita pernah terfikir sekiranya bahan-bahan binaan yang digunakan lebih berkualiti, kebarangkalian rumah kita masih berdiri teguh adalah lebih tinggi?

Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), adalah jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Sebagai jabatan kerajaan, kami yakin standard adalah satu faktor utama untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sehubungan itu, kami telah membangunkan lebih 6,000 Malaysia Standards (MS) merangkumi pelbagai sektor industri, contohnya bangunan dan pembinaan, halal, pertanian, teknologi maklumat, pengurusan kualiti, kenderaan dan sebagainya. Lebih daripada 58 peratus MS itu adalah selaras dengan standard antarabangsa.

Sehingga kini, sebanyak 397 MS sudah

dibangunkan bagi sektor bangunan, pembinaan dan kejuruteraan awam bagi aspek reka bentuk; struktur sistem perpaipan dan penyambungan gas; akustik bunyi dan api; ketahanan api dan gelinciran; serta setiap perkara berkaitan dengan kekuatan dan keselamatan pembinaan.

Pilih ada logo pensijilan standard

Namun, sebagai pengguna adalah sukar untuk kita mengenal pasti sama ada projek pembangunan yang ingin dilaksanakan adalah mematuhi standard MS. Kita hanya bergantung kepada pihak berkuasa tempatan untuk memeriksa dan meluluskan sesuatu projek pembangunan.

Sehubungan itu, adalah penting bagi kita untuk menerapkan budaya kualiti di semua peringkat tanpa mengambil kira kontraktor,

Pihak Berkuasa Tempatan atau pengguna untuk mengenal pasti bahan binaan yang digunakan pakai dalam apa-apa juga pembinaan adalah berkualiti dan mematuhi standard, contohnya, dipilih berdasarkan label/logo pensijilan standard. Kita selalu tersilap dengan mengatakan sesuatu yang ‘mahal’ atau yang ‘diimport’ itu berkualiti. Pasti ramai yang terkejut jika saya katakan lebih 80 peratus produk dan perkhidmatan buatan Malaysia mendapat pensijilan standard dan memberikan jaminan kepada keselamatan, kualiti dan boleh dipercayai.

Semua kawasan di Malaysia terutamanya yang sering dilanda bencana alam perlu mematuhi standard berkaitan. Begitu juga kepada pihak berwajib, mestilah bertanggungjawab untuk memastikan projek pembinaan adalah selamat, mengikut tempoh pembinaannya serta mematuhi standard.

Agenzi penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan mempunyai tanggungjawab yang kritikal dalam memandatorikan standard dengan memperkenal dan memastikan pelaksanaan kod (undang-undang) pembinaan yang bersesuaian secara efektif demi menjamin keselamatan dan ketahanan sesebuah bangunan.

Di samping mengawal selia dan menguatkuasakan kod bangunan, adalah penting untuk memperkenalkan langkah pengawalan yang bersesuaian dengan keperluan tempatan atau yang boleh mengatasi isu seperti bencana alam, penjagaan alam sekitar dan sebagainya.

Saya benar-benar yakin bahawa industri termasuk pengguna perlu bersatu untuk membudayakan kualiti dalam kalangan rakyat Malaysia, demi meningkatkan kualiti kehidupan kita secara menyeluruh.

 **Penulis**

ialah Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 27 JUN 2015 (SABTU)**

Penjenayah siber sukar dikesan

Kuala Lumpur: Penjenayah siber mampu menjalankan aktiviti mereka di mana saja dan pada bila-bila masa sehingga menyukarkan usaha menjejak mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata penjenayah siber hanya memerlukan peranti komputer dan akses internet untuk menjalankan kegiatan jenayah.

Operasi tiada batasan

“Mereka melakukan operasi tanpa mengira sempadan dan zon waktu,” katanya.

Dr Amirudin berkata, ada perbezaan antara penjenayah siber dan budak skrip (script kiddie), khususnya motif.

Katanya, operasi penjenayah siber tersusun dan biasanya bermotifkan wang.

“Budak skrip melakukan aktiviti sekadar suka-suka dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan yang ditulis oleh penggodam berpengalaman,” katanya.

Mengulas tindakan bekas eksekutif PetroSaudi, Xavier Andre Justo yang dikatakan memeras ugut syarikat Arab Saudi selepas keluar daripada syarikat berkenaan, Dr Amirudin berkata, ia boleh dianggap sebagai ancaman dalaman.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 27 JUN 2015 (SABTU)

'Cyber criminals transcend space, time'

KUALA LUMPUR: Cyber criminals operate regardless of borders or time zones, making their steps virtually invisible and hard to trace, says CyberSecurity Malaysia chief executive officer Dr Amirudin Abdul Wahab.

He said cyber criminals needed only computing devices and Internet access to commit a cyber crime.

"With these tools, they can operate from anywhere and at any time," he told the *New Straits Times* yesterday.

Comparing cyber criminals to script kiddies, Amirudin said the difference lay in their motives.

"Cyber criminals are well organised and have a certain motive, most

likely monetary.

"Script kiddies commit illegal activities for fun using pre-available scripts or tools on the Net."

Script kiddies use existing programmes, as they lack the skills to write their own codes, to hack computer systems and networks.

Amirudin said because the motives of cyber criminals were subjective, it made it difficult for law enforcers to prosecute them and present digital evidence in court.

On Swiss national and former Petrosaudi International Ltd (PSI) executive Xavier Andre Justo resorting to alleged extortion and blackmailing his former company, Amirudin said this could be regarded as an

internal threat.

"Employers must ensure they practise information security management of classified documents and sensitive data."

"Organisations must have in place ways to manage risks to its information assets, or information security management systems."

It was reported that former prime

minister Tun Dr Mahathir Mohamad was sceptical of Justo's arrest in Thailand on Monday, insisting the documents concerning 1Malaysia Development Bhd published Sarawak Report had not been tampered with.

Dr Mahathir said the whole affair could have been orchestrated by someone else or "stage managed" as

an attempt to "blacken" the former's face.

Dr Mahathir reportedly said at a buka puasa event on Thursday: "What's puzzling is that he did not commit the crime in Thailand. He committed it in Saudi Arabia.

"They don't care if you committed a crime in another country unless you are a terrorist."

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 27 JUN 2015 (SABTU)



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Gempa bumi lemah berukuran 2.8 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 1.35 tengah hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini berkata gempa itu berpusat di utara Ranau.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 27 JUN 2015 (SABTU)



Gempa Kedua Landa Ranau Hari Ini

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Satu lagi gempa bumi lemah berukuran 2.6 pada skala Richter melanda Ranau, Sabah pada 8.38 malam ini.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, pusat gempa itu terletak 11 kilometer dari barat Ranau.

Berikutan gempa itu, gegaran turut dirasai di kawasan Ranau dan pihaknya sedang memantau perkembangan itu.

Pada 1.35 tengah hari tadi, gempa bumi lemah berukuran 2.8 pada skala Richter melanda Ranau.

Pada 5 Jun lepas, Ranau dilanda gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter yang menyebabkan 18 nyawa terkorban.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 27 JUN 2015 (SABTU)



Ribut Petir Di Perairan Selangor Dan Perak Dijangka Berterusan Sehingga Lewat Pagi Sabtu

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Aktiviti ribut petir di perairan Selangor dan Perak dijangka berterusan sehingga lewat pagi Sabtu.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50km sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.

Kenyataan itu juga mengeluarkan amaran angin kencang barat daya dan laut bergelora di kawasan perairan Phuket dan Reef North juga dijangka berterusan sehingga Ahad.

Keadaan angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 km sejam dan ombak sehingga 3.5m itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA